

MEREMAJAKAN KOPERASI

Mohamad Suandi Hj Mortadza

msuandi@mkm.edu.my
Maktab Koperasi Malaysia
Zon Sarawak



Pengenalan

Gerakan koperasi di Malaysia kini sedang dan telah melalui fasa perkembangan yang rancak menjelang tahun 2020. Usaha-usaha transformasi gerakan koperasi terus dilaksanakan dalam menjayakan aspirasi Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020. Justeru, penglibatan semua pihak amat diperlukan agar hala tuju ini tidak tersasar. Jika diimbau, sejarah perkembangan gerakan koperasi di Malaysia ini telah bermula sejak tahun 1922 lagi. Sehingga kini, usia gerakan koperasi di Malaysia telah mencecah lebih 90 tahun. Satu usia yang cukup lama dan sepatutnya gerakan koperasi di Malaysia sudah berada pada tahap yang matang. Pelbagai cabaran yang telah ditempuhi. Pada masa yang sama, cabaran semasa juga tidak kurang hebatnya sesuai dengan peredaran masa.



Dalam memberi nafas baharu kepada gerakan koperasi di Malaysia, idea dan pandangan untuk meremajakan koperasi amat penting agar koperasi sentiasa malar segar bagi meraih kejayaan yang lebih besar daripada apa yang telah dikecapi pada hari ini. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, maksud remaja itu adalah mulai dewasa atau muda. Zaman remaja juga dikaitkan dengan perubahan masa ke arah kematangan. Cabaran yang dihadapi ketika remaja juga rencam. Pasti keinginan hendak mencuba dan tenaga yang ampuh dimiliki dalam zaman remaja perlu dimaksimumkan sebaik mungkin. Bertolak atas faktor tersebut, gerakan koperasi dalam negara kita perlu diremajakan bagi membawa impak yang lebih besar sesuai dengan tahap kematangan gerakan koperasi yang sedia ada sekarang. Cabaran yang dihadapi harus dilihat sebagai peluang dan ditangani dengan berkesan bagi memenuhi aspirasi koperasi.

Keputusan Meremajakan Koperasi

Gerakan koperasi di Malaysia perlu diremajakan untuk merealisasikan Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020. Perspektif Makro DKN 2011-2020 adalah untuk memastikan sektor koperasi menjadi penyumbang berkesan kepada pembangunan negara. Manakala, untuk perspektif mikro, koperasi akan menjana pertumbuhan ekonomi, menjadikan koperasi sebagai entiti perniagaan yang kompetitif, memantapkan sektor koperasi agar menjadi organisasi bantu diri yang efektif dan peka serta proaktif terhadap persekitaran. Ditambah pula dengan sasaran sumbangan RM 50 bilion sumbangan koperasi kepada Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020. Sehubungan itu, gerakan koperasi perlu bergerak pantas dan jitu sesuai dengan maksud remaja itu sendiri yang memiliki tenaga ampuh untuk menjana kemajuan koperasi. Hanya dengan tindakan pantas, segera dan berstrategi, pastinya dapat membantu kepada kejayaan koperasi. Namun demikian, ini tidak bermaksud bahawa jika koperasi tidak bersifat remaja, tidak mampu membawa koperasi ke hadapan. Apa yang lebih penting adalah kelangsungan koperasi untuk kekal relevan dan memberi manfaat kepada anggota.

Gerakan koperasi perlu diremajakan sesuai dengan tuntutan semasa. 'Generation gap' yang berlaku di dalam koperasi perlu ditangani dengan segera agar bakat dan potensi generasi muda dalam koperasi tidak dibiarkan tanpa dibimbing dan diberi perhatian yang sewajarnya. Seandainya masalah 'generation gap' ini tidak dibendung, maka koperasi akan berhadapan dengan krisis kepimpinan yang serius kerana tiada perancangan melestarikan koperasi sejajar dengan matlamat penubuhan koperasi. Keperluan meremajakan koperasi bukan juga menafikan sumbangan anggota dan pemimpin yang lebih lama dalam sesebuah koperasi, tetapi adalah merupakan langkah pemurniaan hubungan serta solidariti terhadap koperasi.

Meremajakan koperasi akan dapat menyediakan barisan pemimpin pelapis bagi gerakan koperasi. Jika pemimpin pelapis koperasi tidak diwujudkan pada masa kini, gerakan koperasi akan berdepan dengan masalah ketandusan pemimpin yang mahir dan bijak untuk menjayakan misi dan visi koperasi pada masa akan datang. Menurut Mansor Ismail (2012), gerakan koperasi perlu sentiasa siap siaga untuk membentuk generasi pemimpin pelapis koperasi agar survival koperasi dapat diteruskan dan mencapai matlamat

Gerakan koperasi perlu menggabungkan pelbagai usaha untuk meremajakan koperasi agar koperasi dapat melangkah maju ke hadapan.

penubuhannya. Ini membuktikan bahawa meremajakan koperasi amat penting sebagai langkah persediaan menghadapi sebarang kemungkinan.

Setiap pemimpin dan anggota koperasi perlu memahami dan menghayati prinsip dan falsafah koperasi. Maka dengan itu, pemimpin dan anggota koperasi akan dapat mengurus dan mentadbir koperasi dengan lebih berkesan. Sehubungan itu, meremajakan koperasi akan memudahkan pemimpin dan anggota koperasi memahami dan menghayati prinsip dan falsafah koperasi semenjak dari mula menganggotai koperasi. Penghayatan terhadap prinsip dan falsafah koperasi amat penting untuk diperkasakan menerusi penglibatan mereka dalam gerakan koperasi. Malah, pengukuhan terhadap prinsip dan falsafah koperasi akan memantapkan persediaan mereka bagi menggantikan kepimpinan sedia ada sekarang (Mohamad Jaapar Muhyat, 2012).

Rintangan ke Arah Meremajakan Koperasi

Banyak perkara yang boleh menghalang kepada proses meremajakan koperasi. Kelemahan dasar dalaman sesebuah koperasi menyebabkan tadbir urus sesebuah koperasi gagal untuk menyediakan barisan pelapis kepimpinan sesebuah koperasi (Idris Ismail, 2012). Dasar dalaman yang

dimaksudkan adalah termasuk kelemahan pengurusan koperasi. Koperasi masih menerapkan nilai kesukarelaan sehingga menyukarkan kemasukan golongan pengurusan yang profesional untuk mengambil alih. Tiada faktor penarik kepada golongan muda menyertai koperasi. Pada masa yang sama juga, koperasi masih memiliki kelemahan pengurusan kewangan sehingga menyebabkan ramai golongan muda tidak berminat menganggotai koperasi. Apatah lagi ditambah dengan budaya keusahawanan yang rendah menyebabkan koperasi seolah tidak mampu untuk berdaya saing dengan sektor lain. (Mohamad Suandi Mortadza, 2013)

Sebahagian besar koperasi juga tidak memiliki perancangan strategik jangka panjang. Penubuhan koperasi hanya dibuat kerana mengharap bantuan kerajaan untuk membiayai perniagaan koperasi. Kegagalan menyediakan visi dan misi ditambah kurangnya analisis persekitaran terhadap produk dan perkhidmatan menyebabkan koperasi gagal untuk meraih untung. Akibatnya, impak ini akan menjejaskan koperasi dan menghalang kepada proses meremajakan koperasi. Selanjutnya adalah masalah kesinambungan kepimpinan dalam sesebuah koperasi. Kebanyakan koperasi pada masa kini tidak berupaya untuk menyediakan barisan kepimpinan koperasi (Idris Ismail, 2012). Umpamanya dalam hal koperasi sekolah apabila pelajar menamatkan pengajian mereka, tiada sebarang program kesinambungan koperasi apabila mereka menyambung pengajian yang lebih tinggi seperti ke institut pengajian tinggi awam dan swasta. (Mohamad Suandi Mortadza, 2013)

Di samping itu, pengetahuan golongan muda terhadap koperasi juga adalah agak negatif. Mereka beranggapan dengan menyertai koperasi merupakan perkara yang membuang masa dan tidak mendatangkan faedah. Mereka juga beranggapan penglibatan mereka dalam koperasi akan menambahkan beban kerja. Mereka turut berasa sukar untuk bergaul dengan generasi yang lebih veteran. Pada anggapan mereka, generasi vateran sukar melepaskan jawatan dan tidak memberi ruang yang secukupnya kepada mereka dalam berkoperasi. Persepsi dan stigma begini sukar untuk dihapuskan dan telah mengikis kepercayaan generasi muda dalam koperasi. Isu ini akan terus merencatkan proses meremajakan koperasi.

Faktor lemahnya pendidikan dan latihan di dalam sesebuah koperasi menyebabkan koperasi semakin sukar hendak diremajakan. Tumpuan kepimpinan koperasi sedia ada hanyalah untuk membangunkan perniagaan tetapi mereka lupa pada salah satu prinsip dalam koperasi iaitu memberi pendidikan, latihan dan maklumat kepada anggota koperasi. Kegagalan untuk menyediakan latihan, maklumat dan pendidikan kepada anggota menyebabkan anggota berasa jauh daripada koperasi. Minat dan kesungguhan anggota terus hilang kerana kepimpinan koperasi tidak melihat prinsip koperasi ini sebagai satu perkara yang penting untuk diutamakan. (Mohamad Suandi Mortadza, 2013)

Bagaimana Meremajakan Koperasi

Gerakan koperasi perlu menggabungkan pelbagai usaha untuk meremajakan koperasi agar koperasi dapat melangkah maju ke hadapan. Koperasi

Gaya kerja pengurusan koperasi sepatutnya menjadi semakin baik sesuai dengan keinginan oleh para anggota koperasi yang turut sama berubah mengikut peredaran masa. Gerak kerja yang lebih tersusun akan memastikan pengurusan koperasi bertambah baik.

seharusnya menitikberatkan pada penyusunan tadbir urus berkesan di dalam koperasi. Langkah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mengeluarkan *Garis Panduan 27* iaitu *Garis Panduan Tadbir Urus Koperasi* yang telah dikuatkuasakan pada 1 Mei 2015 merupakan langkah positif yang perlu disambut baik oleh koperasi. *Garis Panduan 27* ini dengan jelas sekali menekankan kepada prinsip umum dan piawaian minimum serta keperluan tadbir urus dan amalan koperasi. Dengan adanya garis panduan tersebut akan lebih membantu koperasi untuk menyediakan piawaian minima pengurusan koperasi masing-masing. Gaya kerja pengurusan koperasi sepatutnya menjadi semakin baik sesuai dengan keinginan oleh para anggota koperasi yang turut sama berubah mengikut peredaran masa. Gerak kerja yang lebih tersusun akan memastikan pengurusan koperasi bertambah baik.

Perkembangan teknologi maklumat juga semakin rancak menjadikan fenomena ini sebagai satu cabaran kepada koperasi untuk menjadi lebih proaktif dan berdaya saing. Sehaluan dengan faktor ini juga dan 'trend' pada masa kini, memang tidak dapat dinafikan

penggunaan laman media sosial telah menjadi 'trend' komunikasi yang begitu meluas dan permintaan untuk perkhidmatan ini telah meningkat pada setiap hari (Ali Hanafiah Daud, 2012). Malah 11.2 juta orang pengguna Internet di Malaysia berdaftar dengan salah satu laman sosial yang amat dikenali dan popular masa kini iaitu laman web Facebook (Nor Aslamiah Ali, 2012). Sehubungan itu, proses meremajakan koperasi juga tidak lengkap jikalau koperasi tidak memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat sebaik mungkin.

Gerakan koperasi pula dari masa ke semasa perlu mewujudkan program-program yang melibatkan anak-anak anggota koperasi. Antara program yang boleh diwujudkan adalah seperti kempen menabung dan berjimat-cermat. Pendekatan sebegini akan memupuk semangat cintakan koperasi dan sekaligus menyemai rasa betapa pentingnya koperasi dalam diri anak-anak anggota koperasi. Pendidikan semenjak kecil ini akan meninggalkan semangat 'esprit de corps' generasi muda terhadap koperasi. Saban tahun sambutan Hari Koperasi Sekolah misalnya adalah merupakan sambutan yang wajar diteruskan dan diperkasa bagi menyemai semangat berkoperasi dalam kalangan generasi muda. Proses ini juga akan membantu koperasi memperbaiki persepsi golongan muda terhadap koperasi.

Gerakan koperasi juga perlu mengadakan program mendekati remaja dengan koperasi. Antara bentuk program yang boleh dijalankan seperti Hari Koperasi atau Bulan Koperasi. Pelbagai aktiviti boleh dilaksanakan untuk mengisi program yang telah dinyatakan tadi. Aktiviti-aktiviti yang bersandarkan minat dan kecenderungan para remaja

harus diutamakan seperti sukan, permotoran dan muzik yang boleh digemblengkan kepada bentuk ekonomi khususnya koperasi. Malah sambutan Hari Koperasi Negara (HKN) 2015 yang diadakan di Kuching Sarawak pada 14-16 Ogos 2015 telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai golongan masyarakat. Tema HKN 2015 iaitu "Satu Untuk Semua, Semua Untuk Satu" adalah merupakan simbolik falsafah koperasi diwujudkan untuk semua anggota dan setiap anggota perlu berganding bahu bagi membangunkan koperasi. (Datuk Lamien Sawiyo, 2015) Justeru, penglibatan semua golongan masyarakat terutamanya remaja akan menyuburkan lagi minat golongan muda terhadap koperasi.

Setiap koperasi juga perlu mewujudkan inkubator belia dalam pentadbiran koperasi masing-masing. Kewujudan inkubator ini akan memfokuskan kepada unit belia dalam koperasi masing-masing. Anggota-anggota belia koperasi akan memanfaatkan inkubator belia koperasi tersebut dalam merangka dan melaksanakan program ekonomi yang sesuai dengan kehendak mereka. Inkubator ini juga akan menjana aktiviti-aktiviti berkala yang lebih agresif. Kewujudan inkubator ini bukanlah diasingkan dengan pentadbiran koperasi masing-masing, tetapi terbentuknya inkubator ini nanti akan lebih merangsang minat dan hala tuju belia dalam koperasi yang bakal mewarisi kepimpinan dalam koperasi mereka sendiri. Peluang yang begitu besar diberikan kepada golongan muda akan membantu proses meremajakan koperasi dengan jayanya.

Setiap koperasi juga boleh menggubal dasar mereka dalam menentukan pelantikan Anggota



Lembaga Koperasi (ALK) masing-masing. Ruang juga harus diberikan kepada anggota muda untuk menjadi ALK yang merupakan barisan kepimpinan koperasi. Idea dan tenaga mereka akan menjadikan sesebuah koperasi lebih segar dan dihormati oleh semua anggota koperasi. Bak kata pepatah, 'yang tua dihormati, yang muda disayangi' akan dapat direalisasikan dalam konteks koperasi. Kolaborasi golongan muda dan golongan veteran dalam koperasi bakal memberikan impak positif dalam pembangunan koperasi (Mohamad Suandi Mortadza, 2013). Pengurusan bakat atau talent management dalam kalangan pemimpin muda akan dapat dilakukan kerana kerjasama ini akan membekalkan kompetensi kepada pemimpin muda. Nilai tolak ansur dan konsep 'menang menang' amat perlu dalam menjayakan kolaborasi dua generasi agar suasana harmoni akan berlangsung dengan jayanya (Mansor Ismail, 2012).

Koperasi juga boleh menghadkan tempoh seseorang ALK untuk menerajui kepimpinan koperasi. Sekiranya tempoh tersebut dihadkan, ruang bagi mempersiapkan pemimpin pelapis koperasi akan wujud. Ini bermakna

kebergantungan koperasi kepada sekelompok pemimpin akan dapat dikurangkan. Koperasi juga akan dilihat sebagai agen untuk melahirkan lebih ramai pemimpin dan tidak akan berlaku masalah ketandusan pemimpin. Memberi kepercayaan kepada generasi muda akan membolehkan mereka memahami harapan yang ditunjukkan oleh koperasi terhadap mereka. Ini akan membantu mereka untuk lebih yakin dan lebih bertanggungjawab untuk memikul amanah yang telah diberikan kepada mereka. (Mohamad Suandi Mortadza, 2013) Aspek peremajaan koperasi akan dapat dijelmakan apabila koperasi lebih pantas untuk menangani isu-isu semasa yang timbul. Era masa kini memerlukan koperasi bertindakbalas dengan cepat terhadap persekitaran. Pengurusan koperasi akan memberikan service delivery dengan lebih efektif kepada pelanggan. Justeru, proses meremajakan koperasi akan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Kesimpulan

Koperasi berperanan membantu menjana perkembangan pembangunan ekonomi negara dan secara tidak langsung dapat menaikkan taraf hidup masyarakat

secara keseluruhannya. Matlamat ini akan terlaksana sekiranya anggota koperasi mengambil langkah strategik dengan mengembangkan aktiviti perniagaan melalui penglibatan secara lebih aktif dalam mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan keusahawanan mereka. Seiring dengan peredaran masa yang cepat berubah, koperasi perlu bertindak pantas dan proaktif dalam merebut peluang-peluang perniagaan di samping perlu bersaing sesama sendiri atau dengan sektor swasta untuk terus relevan dan kekal dalam dunia perniagaan (Ali Hanafiah Daud, 2012). Langkah untuk meremajakan koperasi perlu dijana agar koperasi terus utuh. Semua pihak dalam koperasi perlu memainkan peranan masing-masing dan tidak bergantung harap kepada kepimpinan dan pengurusan koperasi untuk meremajakan koperasi. Meremajakan koperasi bukan menidakan sumbangan generasi lama dalam koperasi malah lebih ke arah transformasi koperasi untuk menjadi badan ekonomi sosial yang lebih mampu beradaptasi dengan perubahan persekitaran dan seterusnya mencapai matlamat Dasar Koperasi Negara 2011-2020.